



LEMBAGA JURUUKUR BAHAN MALAYSIA

SURAT PEKELILING 1/98

Firma-firma Ukur Bahan Milik Pengamal Separuh Masa

Tuan/Puan,

1. Baru-baru ini Lembaga telah diberi maklum bahawa firma milik tunggal, perkongsian dan badan korporat yang dimiliki oleh Pensyarah-pensyarah Institusi Pengajian Tinggi (IPT) tempatan/Juruukur Bahan yang mengamal separuh masa sukar dihubungi oleh klien-klien mereka, dan Lembaga telah menerima banyak aduan dalam hal ini.
2. Oleh itu demi kepentingan dan kualiti perkhidmatan Ukur Bahan, Lembaga yang bersidang pada 21.2.1998 telah memutuskan peraturan-peraturan berikut untuk dipatuhi oleh semua Juru-juru Ukur Bahan Berdaftar:
 - a) Firma tunggal hendaklah hanya dimiliki dan diurus oleh pengamal sepenuh masa.
 - b) Perkongsian dan Badan Korporat hendaklah diuruskan oleh rakan kongsi/pengarah-pengarah dari pengamal sepenuh masa yang mempunyai pegangan equiti majoriti, dan bilangan mereka hendaklah tidak kurang daripada separuh jumlah bilangan rakan kongsi/pengarah dalam perkongsian/badan korporat berkenaan.

3. Semua Juru-juru Ukur Bahan dan firma-firma yang terlibat adalah dengan ini diberi tempoh enam(6) bulan dari tarikh surat pekeliling ini untuk memastikan peraturan di atas dipatuhi.

Sekian.

'BERKHIDMAT UNTUK NEGARA'

Yang benar,



Mohamed bin Gading

Yang Di Pertua

Lembaga Juruukur Bahan

Tarikh: 9.6.98